

## *Pengajaran Penulisan Karangan Dengan Menggunakan DP(FB)M*

**Zurina Yahya**

[zurina\\_yahya@schools.gov.sg](mailto:zurina_yahya@schools.gov.sg)

**Safidah Samsuddin**

[Safidah\\_samsuddin@schools.gov.sg](mailto:Safidah_samsuddin@schools.gov.sg)

**Sekolah Rendah Jing Shan**

### *Abstrak*

Dalam penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri, ramai murid kurang keupayaan mencerna idea menulis isi karangan yang padat. Ini disebabkan ketiadaan struktur yang kukuh dan mudah bagi membolehkan murid menghasilkan karangan yang mempunyai isi cerita yang menarik. Maka dengan menggunakan **DP(FB)M**, iaitu akronim bagi **D**eskripsi, **P**erasaan atau **E**mosi, **F**rasa **B**erbunga (**FB**) dan **M**engapa (watak berperasaan sedemikian), murid dapat mengolah cerita secara teratur dengan berfokuskan ketiga-tiga aspek tersebut. Kertas kajian ini memberi pengenalan tentang pendekatan ini agar dapat memberi murid kesan visual dalam mengolah urutan setiap perenggan. Kajian yang dilakukan melibatkan murid yang diajar menggunakan DP(FB)M, bertujuan untuk membantu murid memperbaik mutu isi karangan mereka. Sekaligus, dalam menggunakan DP(FB)M ini, murid juga menghasilkan karangan yang indah bahasanya dengan menggunakan frasa berbunga.

**Kata Kunci:** karangan, isi, pendekatan efektif, frasa berbunga

## PENGENALAN

Murid yang menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) diberi pilihan dalam Kertas 1 menjawab soalan karangan yang berdasarkan gambar bersiri. Calon peperiksaan perlu memerhatikan gambar bersiri yang mengandungi lima gambar dalam lima petak berlainan, serta petak gambar keenam yang mempunyai tanda soal. Murid perlu menulis sebuah karangan naratif yang menarik dengan menggunakan tidak kurang daripada 150 patah perkataan. Secara terserah, karangan gambar bersiri ini biasanya menyerlahkan atau memaparkan sekurang-kurangnya satu nilai moral atau pengajaran yang dapat dipelajari. Perkara ini perlu ditulis oleh murid dalam pengolahan sebuah karangan yang mempunyai jalan cerita yang padat, menarik dan teratur. Dalam masa yang sama, murid juga harus pandai mengolah sebuah karangan yang amat menarik dan berkesan bahasanya dalam masa 50 minit yang dihadkan semasa peperiksaan atau ujian. Karangan murid akan dinilai berdasarkan rubrik. Lantas ini memerlukan murid menulis dengan amat baik, jika ingin mencapai markah cemerlang.

Isi karangan yang padat dengan urutan ‘sebab dan akibat’ mempunyai jalan cerita tersusun, sama ada ceritanya mengikut jalan cerita naratif berkronologi ataupun imbas kembali (analepsis). Isi karangan yang padat juga membuat beberapa rujukan berkaitan perasaan yang dialami oleh watak yang terdapat dalam gambar dan mengandungi penyelesaian cerita yang juga cukup lengkap dengan pengajaran. Penutup ceritanya pula perlu meyakinkan pembaca atau penilai karangan. Karangan yang padat pasti memberikan kepuasan kepada pembacanya.

Walau bagaimanapun, murid menghadapi masalah ketidakupayaan mencerna isi karangan yang padat. Murid yang menggunakan DP(FB)M akan mempelajari:

### (D) untuk ‘Deskripsi’

Karangan yang berbentuk naratif secara umum dan semula jadi mengandungi deskripsi yang menceritakan secara khusus, apa yang sedang berlaku dalam urutan cerita yang hendak disampaikan.

### P(FB) untuk ‘Perasaan atau Emosi (Frasa Berbunga)’

Rata-rata, penulisan cerita naratif yang amat padat boleh memberikan kesan yang mendalam jika karangan mereka menggunakan frasa berbunga (**FB**) yang bersesuaian. Kalau murid kurang memberikan perhatian kepada pembinaan perasaan atau emosi watak dalam karangan, mereka kurang berjaya mewarnai jalinan prosa yang padu (*texture*) dan keberkesanannya dalam penyampaian

karangan itu. Dengan itu, Frasa Berbunga (FB) dapat mencantikkan aspek penyampaian karangan. Salah satu cara yang berkesan ialah dengan menggunakan frasa-frasa berbunga untuk menyampaikan perasaan atau emosi watak cerita.

### **M untuk ‘Mengapa’**

Soalan ‘Mengapa’ dapat memberikan jawapan yang berkepelbagaiannya mengikut perspektif murid. Misalnya, dalam sebuah gambar yang memaparkan watak sedang menangis (watak A) sambil memandang wajah seorang watak dewasa (watak B) memberikan perspektif dan gambaran yang berbeza mengikut tanggapan murid. Ini seolah-olah memaksa murid itu mengambil satu lagi langkah berfikir secara mendalam dan membuat analisis sebab watak berperasaan gembira, sedih, marah, kesal dan sebagainya. Yang amat penting, dengan menujukan soalan ‘Mengapa’ tentang perasaan (emosi) watak A dan B dalam gambar bersiri dapat membantu pelajar meluaskan isi karangan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Murid amat memerlukan kemahiran mengolah isi karangan yang padat. Masalah ini jelas kelihatan dalam karangan murid yang baru memasuki Darjah 5. Terdapat jurang perbezaan antara kriteria penilaian karangan Darjah 4 dan 5. Dalam karangan Darjah 5, murid perlu menulis isi karangan yang lebih padat berbanding dengan karangan Darjah 4. Dengan itu, suatu proses ‘bridging’ atau titian diperlukan. Suatu kaedah pembelajaran yang mudah difahami, bertahap-tahap dan efektif diperlukan untuk membantu murid golongan ini mempunyai kebolehan mengolah isi karangan yang padat.

Setelah DP(FB)M direka oleh guru, guru ingin sekali melihat bukti sah bahawa DP(FB)M benar-benar dapat membantu murid dalam pengolahan isi karangan. Maka suatu kajian diperlukan agar penggunaan DP(FB)M boleh digunakan untuk membantu murid yang lain.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat sejauh manakah DP(FB)M memberi keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu khususnya bagi pencernaan isi penulisan karangan;
2. merangsang keyakinan diri murid agar mereka dapat memperbaik prestasi mereka dalam penulisan karangan; dan
3. menambah nilai (*value-add*) bahan pengajaran yang sedia ada agar

pengajaran karangan menjadi lebih berkesan supaya guru dapat menyiapkan rancangan pelajaran yang bermakna untuk murid.

## KAJIAN LEPAS

Dalam ‘*Creative Writing Innovations: Breaking Boundaries in the Classroom*’ oleh Michael Dean Clark, Trent Hergenrader dan Joseph Rein (2017), penulis menekankan bahawa pendidik yang kreatif dapat membina pengajaran yang kreatif dan menggunakan alat bantu mengajar yang berkesan agar murid dapat menggunakan alat-alat itu untuk menulis dengan lebih baik. DP(FB)M dibina secara kreatif dengan tujuan menjana pemikiran murid dan menjadikan pembelajaran yang berpusat pada murid.

Menurut Koehler (2017) dalam ‘*Composition, Creative Writing, and the Digital Humanities*’, penulisan yang baik memerlukan pemerhatian dalam apa yang dipanggilnya “*interests in multimodality—including weaving together the visual, aural and textual*” atau ‘minat dalam pelbagai mod komunikasi - yang merangkumi komunikasi secara visual, pendengaran dan teks penulisan’, lebih-lebih lagi dalam alaf baharu ini di mana murid terdedah kepada teknologi dan kesan-kesan visual sebagai bahan rangsangan.

Ritchart et. al. (2011), dalam ‘*Making Thinking Visible*’ menyatakan bahawa pemikiran secara visual boleh dilakukan secara rutin dan penuh disiplin agar dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam suasana bilik darjah. Tumpuan pemikiran murid perlulah (a) mempunyai fokus pada sesuatu pencapaian (b) digunakan berulang kali sehingga sebatи dengan murid (c) mengandungi langkah-langkah yang mudah (d) mudah untuk diajar dan dipelajari (e) mudah dibimbing semasa murid giat dan aktif dalam pembelajaran secara rutin (f) boleh digunakan dalam konteks yang berbeza dan (e) boleh digunakan dalam kerja berkumpulan atau persendirian.

DP(FB)M memberi murid kesan visual dalam mengolah urutan setiap perenggan. Penggunaan slaid *Powerpoint* dan kad-kad bergambar turut digalakkan bagi merangsang minda murid.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuasiekperimental, maka ia memerlukan praujian sebelum kajian dijalankan dan pascaujian (melalui penelitian kelakonan murid dalam Kertas Peperiksaan Akhir Tahun 2018) dilakukan selepas kajian dijalankan. Tambahan, sampel kajian berbentuk utuh (*intact*) dan tidak rawak (*random*) (Creswell, 2008).

Sebelum pascaujian dijalankan, murid diajar dan diberikan senarai frasa berbunga. Oleh sebab mereka belum dapat melihat kepentingan frasa-frasa itu, mereka langsung tidak menggunakan senarai itu semasa menulis karangan.

Pengajaran dilakukan dalam beberapa langkah dan tahap bagi menjayakan pengajaran karangan menggunakan DP(FB)M ini. Dalam kertas kajian ini, hanya satu langkah akan disertakan. Walau bagaimanapun, langkah pengajaran tersebut amat kritikal dalam menjayakan pengajaran penggunaan DP(FB)M.

Berikut adalah maklumat pengajaran karangan menggunakan DP(FB)M berdasarkan Amalan Pengajaran Singapura (STP). Dalam proses pengajaran di bawah ini, contoh memberikan tumpuan pada pembelajaran bahagian akronim ‘P(FB)’, iaitu Perasaan (Frasa Berbunga).

### Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	AM4: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Murid dibahagikan kepada pasangan yang akan menyelesaikan tugasan mengolah dan mengubah ayat-ayat tunggal mudah yang menceritakan perasaan watak agar menjadi ayat-ayat menarik dan mengandungi frasa berbunga.  <u>Contoh:</u> Ayat yang mengandungi perasaan: <b>Ayah marah.</b> (Digantikan atau ditambah dengan frasa berbunga): <b>Ayah marah. Wajahnya semakin merah padam. Beliau mendengus geram.</b>

Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	<p>AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja</p> <p>Pasangan menyiapkan tugas bagi lima gambar bersiri.</p> <p>Pasangan mengisi slaid <i>PowerPoint</i> dengan jawapan. Kolaborasi antara ahli dalam setiap pasangan diperlukan. Pasangan membuat persembahan dan membentangkan jawapan mereka serta memberikan penerangan mengapa mereka memilih sesuatu Frasa Berbunga (FB) bagi menggantikan Perasaan (P) pada watak dalam gambar.</p>
Penerangan dan Justifikasi		Guru memberikan masa dan ruang untuk murid berfikir dan melakukan penerangan bagi memberikan keyakinan kepada murid yang lain. Guru boleh memberikan lapor balik mengikut kadar Ratio Losada (Losada Ratio) di mana bagi setiap maklum balas yang mempunyai kesan negatif walaupun niatnya membina, guru haruslah memberikan dua maklum balas yang positif sebelum maklum balas yang kurang positif diberikan. (M. Losada, Positive Affect and the Complex Dynamics of Human Flourishing, 2005)

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada tujuh murid Darjah 5 yang mengambil Bahasa Melayu Standard tahun 2018.

## Instrumen Kajian

Guru telah menyiapkan rancangan pelajaran yang lengkap dengan penggunaan bahan pengajaran berbentuk kad-kad bergambar, slaid *PowerPoint*, senarai frasa berbunga (FB) yang ingin diajar dan kertas soalan karangan gambar bersiri. Guru harus juga menyiapkan lokasi yang sesuai yang dapat memberikan ruang murid menggunakan komputer. Untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik, pengkaji menyiapkan induksi yang sesuai dengan memastikan kerelevanannya alat yang digunakan dan mengaitkannya dengan aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan. Alat kajian juga termasuk komponen Kertas 1 bagi praujian dan Kertas 1 Peperiksaan Akhir Tahun 2018 bagi pascaujian.

Nota pemantauan mengenai sikap dan respons murid juga diambil kira. Murid memberi lapor balik dalam bentuk lisan semasa diwawancara.

## **Prosedur Kajian**

Surat keizinan diberikan kepada semua peserta dan memandangkan mereka di bawah usia, keizinan diperlukan daripada pihak ibu bapa mereka.

Kajian dijalankan sepanjang dua penggal, sekurang-kurangnya selama 13 minggu. Masa pelaksanaan kajian dirancangkan berlaku dalam masa dua ruang waktu jadual kurikulum di mana setiap sesi mengambil masa selama 30 hingga 60 minit.

Maklum balas peserta tentang perspektif mereka mengenai pembelajaran penggunaan DP(FB)M dijalankan pada akhir kajian.

Sampel markah diambil daripada komponen Kertas 1 dan guru telah menyiapkan kertas praujian dan kemudian komponen Kertas 1 bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2018 digunakan sebagai sampel pascaujian. Guru mempunyai pengetahuan sedia ada bahawa komponen ini merupakan komponen yang lemah bagi murid.

Sampel kertas-kertas peperiksaan dibuat salinan dengan nama murid ditutupi agar menjaga kerahsiaan kajian. Setiap kertas jawapan murid disemak oleh dua orang guru yang memberikan markah berdasarkan rubrik yang sama digunakan pada peringkat PSLE. Komponen karangan terdiri daripada (a) isi dan penyampaian karangan dan (b) bahasa.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Praujian dijalankan sebelum Peperiksaan SA1 dalam penggal 2. Jadual 1 dan Rajah 1 menunjukkan bahawa pada awal kajian, murid agak lemah dalam karangan. Murid D merupakan pelajar berkeupayaan tinggi (HA) manakala Murid E jelas berkeupayaan rendah (LA). Pelajar E merupakan salah seorang pelajar keperluan istimewa (*special needs*) dan sudah didiagnos sebagai pelajar berautisme serta kurang daya penumpuan. Maka perbezaan peratusan daripada praujian dan pascaujian tidak berganjak.

**Jadual 1: Markah Praujian dan Pascaujian Karangan Murid**

Murid	Markah Karangan Praujian (40)	Peratusan	Markah Karangan SA2 sebagai Pascaujian	Peratusan	Perbezaan Peratusan
A	15	37.5	21	52.5	+15
B	14	35	22	55	+20
C	18	45	24	60	+15
D	26	65	35	87.5	+22.5
E	1	2.5	1	2.5	0
E	22	55	26	65	+10
G	16	40	28	70	+30

Setelah pengajaran menggunakan DP(FB)M dijalankan dalam bilik darjah, peningkatan markah dan perbezaan peratusan amat ketara lebih-lebih lagi pada murid G. Murid G dipantau sebagai seorang murid yang semakin bermotivasi dan telah mencuba dan berjaya menulis sebuah karangan yang baik. Semasa ditanya, murid G melahirkan perasaan bahawa dia amat teruja dengan mata pelajaran Bahasa Melayu kerana dia “lebih mengetahui cara menulis karangan yang lebih baik” dan dia “gembira kerana mendapat markah yang lebih baik untuk karangan”. Murid-murid A, B, C, D, F dan G menunjukkan peningkatan dalam peratusan markah.

Bagi diri murid E, dia tidak menunjukkan apa-apa kesan dari segi kuantitatif; dan apabila ditanya jika dia memahami proses pembelajaran, dia menyatakan bahawa dia tidak begitu faham. Namun apabila dipantau pelibatannya, dia lebih menunjukkan minat, lebih-lebih lagi apabila murid E diminta memadankan ‘kad perasaan’ dengan gambar, murid itu amat teruja.

## **KESIMPULAN**

Murid memerlukan bimbingan dan langkah-langkah pembelajaran yang mempunyai struktur agar mereka dapat mencapai matlamat pembelajaran. Guru mempunyai tugas yang penting bagi memastikan bahawa objektif pembelajaran dapat dicapai. Murid memerlukan pembelajaran yang kreatif dan berkesan agar dapat membantu mereka berfikir dengan lebih jelas dan meningkatkan daya proses pemikiran mereka. Struktur yang kukuh dan berkesan dapat menolong mereka mencerna idea yang bersesuaian dan menarik dalam penulisan isi karangan. Pada masa hadapan, kami berharap dapat menghasilkan bahan DP(FB)M yang juga bersesuaian dengan peringkat Darjah 4.

## RUJUKAN

Barbara L. Fredrickson and Marcial F. Losada; Positive Affect and the Complex Dynamics of Human Flourishing, American Psychologist. 2005 Oct; 60(7): 678–686.

Creswell, John W.(2013) Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Pearson Education Inc. University of Nebraska-Lincoln Press.

Koehler, Adam (2017) *Composition, creative writing, and the digital humanities*. New York: Bloomsbury.

Michael Dean Clark, Trent Hergenrader, and Joseph Rein (2017) Creative Writing Innovations: Breaking Boundaries in the Classroom., Bloomsbury.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Ritchhart, Ron., Church, Mark., dan Morrison, Karin (2011) *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all Learners. 1st Edition*. USA: Jossey-Bass.